


Tindakan Bush tambah tentera di Iraq salah

BH- 13/1/2007

Kedegilan Presiden Amerika tak reda ketegangan: PM



CEBU CITY: Pertubuhan Per-sidangan Islam (OIC) meng-anggap keputusan Amerika Syarikat menghantar 21,500 tentera tambahan ke Iraq sebagai salah serta tidak akan membantu usaha meredakan ketegangan di negara berkenaan.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi OIC, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Amerika sepatutnya sedar tindakan itu bukan saja ditentang masyarakat dunia, tetapi dikecam rakyatnya sendiri.

"Tindakan itu salah tetapi Amerika nampaknya tetap berdegil. Mereka fikir penyelesaian sedemikian boleh diterima sedangkan pihak yang menentang akan bertambah," katanya kepada media Malaysia di Shangri-La Mactan Island Resort and Spa di sini, petang semalam. Hadir sama, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Terdahulu, Abdullah menghadiri Sidang Kemuncak Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) Kedua dan Kawasan Pertumbuhan Asia Timur - Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) Ketiga bersama pemimpin negara terbabit. Sidang Kemuncak Asean ke-12 bermula hari ini, disusuli Sidang Kemuncak Asia Timur kedua pada 15 Januari ini.

Abdullah ditanya mengenai keputusan Presiden Amerika Syarikat, George W Bush yang berdegil untuk menghantar lebih 20,000 tentera tambahan ke negara di Asia Barat itu selepas mengakui dasarnya di Iraq sebelum ini gagal.

Keputusan Bush itu yang diumumkan kelmarin mendapat bantahan rakyatnya serta parti Demokrat. Kira-kira 3,000 askar Amerika Syarikat telah dihantar sejak pencerobohan untuk mengguling Presiden Iraq, Saddam Hussein pada 2003.

Mengulas lanjut, Abdullah berkata, Amerika Syarikat sepatutnya mengurangkan bilangan tenteranya di Iraq tetapi yang berlaku adalah sebaliknya.

Sementara itu, Malaysia mencadangkan Asean mengenal pasti projek yang perlu diberi keutamaan di IMT-GT dan BIMP-EAGA bagi mencapai manfaatnya maksimum.

"Oleh kerana banyak projek yang dirancang, maka sewajarnya kita menentukan keutamaannya iaitu mana perlu didahulukan dan mana yang kurang kepentingannya kerana tidak mungkin semuanya boleh dilaksanakan serentak.

"Biarlah projek yang besar kesannya dan mampu menjana ekonomi



KERJASAMA ERAT: Abdullah bersalam dengan Arroyo ketika mesyuarat ketua negara atau kerajaan di Cebu City, semalam.

diberi keutamaan," katanya sambil menambah, Malaysia mengenal pasti pengangkutan merangkumi laluan udara, air dan darat antara projek yang perlu diberikan perhatian.

"Begitu juga perkhidmatan telekomunikasi dan infrastruktur seperti jalan raya, mana patut dibina mesti dibina. Sektor pelancongan juga perlu diperluaskan," katanya.

Dalam usaha membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di wilayah

berkenaan, Perdana Menteri berkata, Malaysia akan menganjurkan konvensyen dan pameran PKS yang bakal disertai Indonesia dan Thailand serta tuan rumah di Pulau Pinang pada akhir tahun ini bagi mengukuhkan kerjasama di kalangan sektor swasta tiga negara terbabit.

Abdullah berkata, kawasan BIMP-EAGA yang luas dan subur, boleh dimanfaatkan untuk tanaman kelapa sawit, sekali gus merencanakan kerjasama dalam industri biofuel.

"Kita juga perlu memudahkan prosedur berkaitan kastam dan imigresen ke arah menggalakkan lebih banyak perdagangan merentasi sempadan," katanya.

Sementara itu, Abdullah malam tadi menghadiri majlis makan malam untuk ketua negara atau kerajaan sambil mengadakan perbincangan tidak rasmi sempena Sidang Kemuncak Asean ke-12 hari ini.

Jamuan malam itu dihadiri oleh semua 10 pemimpin Asean yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Cebu (CICC), di Mandaue City dekat sini.

Adalah menjadi tradisi semasa si-

dang kemuncak Asean bagi pemimpin berkenaan untuk mengadakan perbincangan tidak formal semasa makan malam kerana ia memberikan ruang kepada mereka untuk membincangkan pelbagai isu dalam suasana lebih santai.

Jamuan malam itu dianjurkan oleh Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo, pengerusi Asean sekarang.

Abdullah dan pemimpin Asean yang lain kemudian beredar ke bilik berasingan untuk meneruskan perbincangan mereka.

Pagi ini, Abdullah dan pemimpin lain akan menghadiri Sidang Kemuncak Ke-12 di Hotel Shangri-la di Mactan Island.

Terdahulu pemimpin Asean berkenaan mengadakan perjumpaan dengan Kumpulan Tokoh Penting (EPG) bagi Piagam Asean di venue yang sama, CICC.

EPG dipengerusikan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tun Musa Hitam yang ditugaskan merumuskan cadangan untuk dikemukakan kepada pemimpin berkenaan.

“Amerika sepatutnya sedar tindakan itu bukan saja ditentang masyarakat dunia, tetapi dikecam rakyatnya sendiri”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri/Pengerusi OIC

BERNAMA